

DR.4 TAHUN 2020



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HUBUNGAN DAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HUBUNGAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
BIL. 1 TAHUN 2020**

**DEWAN RAKYAT
PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK

2 NOVEMBER 2020

Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Dan Perdagangan Antarabangsa Parlimen Malaysia

Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Dan Perdagangan Antarabangsa:

Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa
Bil. 1 Tahun 2020

Terbitan @ 2020, Parlimen Malaysia

Parlimen Malaysia
Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
BAHAGIAN I:	
PENGENALAN	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	2
BAHAGIAN II	
Dapatan Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1 Tahun 2020	3
BAHAGIAN III	
Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	12

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Jawatankuasa Dewan pada 16 Oktober 2019 telah membentangkan penyata bagi menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa terma-terma rujukannya.
2. Jawatankuasa Pemilih pada 5 Disember 2019 telah membentangkan penyata bagi mengumumkan pemilihan Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa yang terdiri daripada:
 - i. YB Tuan Wong Chen;
(Ahli bagi Kawasan Subang) sebagai Pengerusi
 - ii. YB Puan June Leow Hsiad Hui;
(Ahli bagi Kawasan Hulu Selangor)
 - iii. YB Tuan P. Prabakaran;
(Ahli bagi Kawasan Batu)
 - iv. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew;
(Ahli bagi Kawasan Sibu)
 - v. YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali;
(Ahli bagi Kawasan Bagan Serai)
 - vi. YB Dato' Sri Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman;
(Ahli bagi Kawasan Pasir Salak)
 - vii. YB Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim; dan
(Ahli bagi Kawasan Kuala Terengganu)

viii. YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah.
Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan mengikut Peraturan Mesyuarat 83(8), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat

3. Jawatankuasa dengan ini membentangkan Laporan Jawatankuasa kepada Majlis berdasarkan penyata dan terma rujukan di atas.

Pendekatan Tugas Kerja

4. Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa (selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa") telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa Bilangan 1 Tahun 2020 pada hari Jumaat, 7 Februari 2020.

5. Mesyuarat telah membincangkan isu-isu hubungan dan perdagangan dua hala Malaysia dan Palestin serta isu-isu tempatan dari sudut perspektif individu yang mempunyai pengalaman merasai sendiri situasi di Palestin. Bagi tujuan ini, Jawatankuasa telah memanggil wakil-wakil daripada:

- i. Kementerian Luar Negeri;
- ii. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- iii. Kementerian Kewangan;
- iv. *League of Parliamentarians for Al-Quds*; dan
- v. *Palestinian Cultural Organisation Malaysia*.

BAHAGIAN II

DAPATAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HUBUNGAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MELALUI MESYUARAT JAWATANKUASA BIL. 1 TAHUN 2020

Setelah mendengar taklimat, pandangan dan perkongsian pengalaman oleh wakil daripada Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan, *League of Parliamentarians for Al-Quds* dan *Palestinian Cultural Organisation Malaysia*, Jawatankuasa mengambil maklum terhadap perkara-perkara berikut:

1. Pendirian Malaysia terhadap peta Palestin adalah berpandukan peta sebelum tahun 1967. Pendirian ini konsisten dengan pendirian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam usaha untuk mencapai penyelesaian dua negara ataupun *the two states solution* dan Baitulmuqaddis Timur atau *East Jerusalem* sebagai ibu kota Palestin.
2. Terdapat dalam kira-kira 2.5 juta penduduk Palestin mendiami Tebing Barat (*West Bank*) bersama dengan 275,000 penduduk Israel yang menduduki penempatan haram di situ. Sebanyak 30 peratus daripada penduduk Palestin adalah merupakan penduduk pelarian dari penempatan asal mereka yang kini menjadi tanah atau *property* Israel.
3. Di Semenanjung Gaza, terdapat kira-kira dua juta penduduk, separuh daripadanya adalah kanak-kanak. Dengan keluasan lebih kurang 42 x 12 kilometer persegi, ini menjadikan Gaza sebagai salah sebuah tempat yang mempunyai populasi termampat di dunia.
4. Secara amnya, Kerajaan Palestin yang sah diketuai oleh pihak Fatah ataupun *Palestine National Authority* dan mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara lain melalui kedutaan, Konsulat Jeneral atau wakil tetap termasuk Malaysia. Kerajaan Palestin ini diketuai oleh Presiden Mahmoud Abbas.

5. Secara amnya, Semenanjung Gaza pula ditadbir oleh pihak Hamas. Hamas diketuai oleh Encik Ismail Haniyeh dan mempunyai menteri-menteri yang berasingan dengan Kerajaan Palestin yang diketuai oleh pihak Fatah.
6. Situasi di Palestin terbahagi kepada isu di Tebing Barat dan Gaza. Disebabkan konflik melibatkan serangan udara dan tembakan peluru berpandu di antara Israel dan Gaza, ramai yang lebih memberi fokus terhadap situasi di Gaza berbanding dengan situasi di Tebing Barat. Meskipun begitu rakyat Palestin di Tebing Barat juga terhimpit oleh sekatan-sekatan yang dilakukan oleh Israel. Masalah di Tebing Barat juga termasuk masalah-masalah berkaitan Masjid Al-Aqsa.
7. *Special Community to Investigate Israeli Practices Affecting the Human Rights of the Palestinian People & Other Arabs of the Occupied Territories (SCIIP)* bertarikh 20 September 2019 telah melaporkan bahawa antara masalah yang dihadapi oleh rakyat Palestin di Tebing Barat termasuklah dibunuh, dcederakan oleh pihak Israel, perluasan penempatan haram Israel di Tebing Barat, pemusnahan dan perampasan harta benda milik rakyat Palestin dan penahanan rakyat Palestin di penjara Israel.
8. Bagi situasi di Gaza, akses penghuni Gaza ke dunia luar dan ke wilayah Palestin yang lain adalah sangat terhad disebabkan oleh sekatan pergerakan yang dikenakan oleh Israel semenjak awal 1990-an. Sekatan ini dikekalkan selepas Israel menarik balik penempatannya dari Gaza pada tahun 2005 dan pada tahun 2007, Israel telah mengisytiharkan Gaza sebagai wilayah musuh dan telah mengenakan sekatan udara, darat dan laut.
9. Sejak tahun 2015, sekatan Israel telah menjejaskan Keluaran Dalam Negara Kasar (*Gross Domestic Product – GDP*) Gaza ke tahap yang amat buruk sehingga memerlukan bantuan kemanusiaan. Gaza mempunyai kadar pengangguran tertinggi di dunia iaitu 54 peratus secara keseluruhan dan 68 peratus daripada penduduk Gaza tidak mempunyai makanan yang mencukupi.

10. Sekatan Israel ini merupakan hukuman secara berkumpulan ataupun *collective punishment* seperti yang dilaporkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Community for the Red Cross – ICRC*). Pada tahun 2017, PBB memberi amaran bahawa Gaza akan menjadi tempat yang tidak sesuai didiami disebabkan krisis air, elektrik, kesihatan, pendidikan dan makanan yang semakin serius akibat daripada sekatan Israel.
11. Gaza dan Israel mengalami konfrontasi yang ganas yang tidak seimbang (*disproportionate*). Sehingga 19 Januari 2020, *United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs*, telah merekodkan bahawa terdapat 213 rakyat Palestin yang meninggal dunia atau terbunuh susulan daripada Demonstrasi *The Great March of Return* yang bermula pada 14 Mei 2018. Angka ini terus meningkat kerana demonstrasi ini dilaksanakan secara berterusan pada setiap hari Jumaat sehingga hari ini.
12. Kerajaan Malaysia memberi fokus yang banyak terhadap rakyat Palestin. Walaupun hubungan diplomatik dijalinkan dengan Kerajaan Palestin di Tebing Barat, Malaysia tetap mempunyai *engagement* dengan kerajaan di Gaza bagi memastikan bantuan kemanusiaan (*humanitarian assistance*) yang diperlukan di Gaza dapat disalurkan.
13. Malaysia lantang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengutuk dan mengecam keras tindakan serta perlakuan tidak berperikemanusiaan rejim Israel yang menceroboh Wilayah Palestin serta mengenakan pelbagai bentuk penindasan, kekejaman dan sekatan ke atas rakyat Palestin. Pendirian tegas Malaysia sering dizahirkan melalui penglibatan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *Organization of Islamic Cooperation* (OIC), *Non-Aligned Movement* (NAM) serta melalui kenyataan-kenyataan media rasmi.
14. Malaysia teguh dengan pendirian bahawa penyelesaian dua negara (*two-state solution*) dan East Jerusalem sebagai ibu kota (*capital*) Israel adalah jalan terbaik untuk pembentukan Palestin sebagai sebuah negara dan seterusnya menyelesaikan konflik Palestin-Israel.

15. Malaysia menekankan bahawa konflik Israel-Palestin bukan sahaja berkisar dengan pertikaian tanah penempatan, malah ia juga melibatkan hak bagi rakyat Palestin untuk menjalin kehidupan yang bermaruah, adil, makmur dan bebas daripada ketakutan. Tindakan Israel yang merampas bumi Palestin secara zalim dan terus mendirikan penempatan haram adalah tidak boleh diterima.
16. Malaysia lantang dalam mengetengahkan permasalahan yang dihadapi oleh Palestin dan rakyatnya termasuk memperjuangkan status Baitul Maqdis sebagai ibu negara Palestin dan memelihara kesucian Masjid Al-Aqsa.
17. Di akhir mesyuarat tersebut, kesemua negara anggota OIC telah bersetuju untuk menerima pakai satu resolusi OIC yang antara lain mengutuk pelan kedamaian tersebut yang dikemukakan oleh Presiden Amerika Syarikat serta mengulangi pendirian teguh OIC terhadap perjuangan rakyat Palestin.
18. Malaysia memandang Pelan Kedamaian Timur Tengah (*The Middle East Peace Plan*) yang dibawa oleh Amerika Syarikat seperti yang diumumkan oleh Presiden mereka, Donald Trump pada 28 Januari 2020 sebagai serangan kepada kedamaian apabila perjanjian tersebut tidak melibatkan Palestin dalam perbincangan serta kandungan perjanjian tersebut yang menguntungkan Israel dan menghukum Palestin.
19. Pada 6 Disember 2017, Amerika Syarikat telah mengumumkan bahawa Amerika Syarikat akan mengiktiraf Jerusalem sebagai ibu kota Israel. Ini diikuti dengan pemindahan Kedutaan Besar Amerika Syarikat ke Baitulmaqdis pada 14 Mei 2018. Malaysia mengutuk pengiktirafan Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel dan menolak keputusan tersebut kerana ia bertentangan dengan Resolusi-resolusi PBB.
20. Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump telah mengumumkan cadangan Pelan Damai Asia Barat yang memberikan fokus kepada Palestin dan Israel yang dikenali sebagai *Deal of the Century*. Pelan tersebut mempunyai dua bahagian yang melibatkan aspek ekonomi dan aspek politik yang masing-masing telah diumumkan pada 25 Jun 2019 dan 27 Januari 2020 yang lalu.

21. Secara ringkasnya, pelan tersebut bertujuan untuk memperkasakan ekonomi rakyat Palestin, meningkatkan tadbir urus negara Palestin dan memberi kebebasan kepada negara tersebut untuk membentuk sebuah negara yang terhad dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh Israel. Walau bagaimanapun, pelan tersebut dirancang tanpa rundingan Palestin. Amerika Syarikat hanya membuat perbincangan dan mencapai persetujuan dengan Israel semata-mata. Pelan tersebut ditolak oleh Palestin memandangkan pelan tersebut dilihat sebagai berat sebelah.
22. Palestin mula menubuhkan Pejabat Perwakilan di Malaysia pada tahun 1969 dan kemudiannya ia dinaiktarafkan sebagai Kedutaan Besar pada tahun 1983. Pada masa ini Kedutaan Besar di Malaysia di Kaherah, Mesir ditauliahkan serentak ke Palestin.
23. Dari tahun 2010 hingga kini, kerajaan Malaysia telah menyalurkan lebih daripada RM46 juta bagi membantu meringankan penderitaan rakyat Palestin. Sumbangan ini adalah daripada dana kerajaan yang disalurkan kepada Palestin secara terus serta melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti PBB dan OIC. Selain itu, kerajaan juga memberikan sumbangan tahunan berjumlah RM282,000 bagi kos operasi Kedutaan Besar Palestin di Malaysia.
24. Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) telah ditubuhkan oleh Kementerian Luar Negeri di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] pada 6 September 2002. Penubuhan akaun ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan dan menyelaraskan segala sumbangan kemanusiaan rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin, seterusnya menyalurkan sumbangan tersebut melalui kaedah-kaedah yang difikirkan bersesuaian oleh Kementerian Luar Negeri. Satu jawatankuasa di peringkat kementerian telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

25. Bagi program pembangunan kapasiti, Malaysia telah dan akan menjalankan pelbagai program latihan seperti:
- i. Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) – 2019 & 2020;
 - ii. Penganjuran *Islamic Microfinance for Palestine Monetary Authority* anjuran *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF) dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency* (JICA) – 2019;
 - iii. *Fokker 50 Simulator Training for Palestinian Pilot* anjuran Akademi Malaysia Airlines Berhad melibatkan tujuh orang juruterbang – 2019 & 2020; dan
 - iv. *Cooperative Community Development Through Microfinance for Palestine Course* anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) – 2020.
26. Pada 25 Oktober 2019, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Baku telah mengumumkan keputusan Kerajaan Malaysia untuk membuka Kedutaan Besar ke Palestin yang bermastautin di Amman, Jordan. Cadangan penubuhan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin bermastautin di Amman, Jordan adalah satu pendekatan yang paling praktikal bagi Malaysia berbanding Ramallah memandangkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.
27. Dengan mengambil kira perkembangan semasa, Malaysia juga sedang mempertimbangkan untuk melantik Konsul Kehormat Malaysia di Ramallah dan Gaza bagi membantu urusan-urusan yang berkaitan dengan hubungan dua hala Malaysia – Palestin.
28. Pada tahun 2018, Palestin merupakan rakan dagangan yang berada pada kedudukan ke-187, destinasi eksport ke-179 dan sumber import ke-138 bagi Malaysia. Manakala bagi pihak Palestin, Malaysia merupakan rakan dagangan

terbesar ke-35, destinasi eksport ke-17 dan sumber import ke 36. Di kalangan negara-negara Asia Barat, Palestin merupakan rakan dagangan ke-14 terbesar bagi Malaysia.

29. Dari tahun 2010 hingga 2019, Malaysia sentiasa merekodkan lebih dagangan dengan pihak Palestin. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan jumlah dagangan yang ketara dari Januari hingga November 2019 berbanding dengan jumlah dagangan pada jangka masa yang sama pada tahun 2018 ekoran penurunan nilai import dari Palestin daripada RM5.3 juta kepada RM1.8 juta. Penurunan ini dilaporkan ekoran masalah logistik serta alternatif dan persaingan daripada negara-negara sekeliling Palestin yang mempunyai buah kurma segar dan kering yang lebih baik kualitinya serta lebih murah harganya.
30. Eksport utama Malaysia ke Palestin adalah *palm oil based manufactured products, palm oil and palm oil based agriculture products, manufactured of plastics products* dan *processed food*. Manakala import utama Malaysia dari Palestin adalah buah kurma segar dan kering. Sehingga kini, tiada pelaburan dicatatkan sama ada oleh Malaysia ke Palestin ataupun daripada Palestin ke Malaysia setakat ini.
31. Selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh negara, aktiviti perdagangan Malaysia dengan Palestin adalah untuk menyokong dan membantu pembangunan serta pertumbuhan ekonomi Palestin disebabkan oleh beberapa sekatan oleh Israel terutamanya untuk kemasukan barang-barang ke Palestin.
32. Kesemua pintu masuk ke Palestin dikawal oleh pihak berkuasa sempadan Israel kecuali di Sempadan Mesir-Semenanjung Gaza. Setakat ini, ia cuma dibenarkan bagi tujuan pergerakan untuk bantuan kemanusiaan, bekalan ubat-ubatan dan makanan sahaja.
33. Pihak Palestin telah mengemukakan cadangan untuk *Memorandum of Understanding on Trade and Economic Cooperation between Malaysia and Palestine* yang memberi fokus terhadap dalam sektor barangan dan perkhidmatan, pelaburan, tenaga, ICT, kesihatan dan pelancongan bagi

meningkatkan perdagangan dua hala antara kedua-dua buah negara. Deraf Memorandum Persefahaman tersebut telah diteliti oleh pihak Malaysia dan maklum balas telah dikemukakan kepada pihak Kedutaan Palestin di Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

34. Selain itu, Malaysia juga menerima cadangan untuk mengadakan *Agreement on the Establishment of the Palestinian-Malaysia Business Council* antara pihak *Chambers* di Malaysia dan komuniti perniagaan di Palestin. Draf perjanjian tersebut telah dimajukan kepada pihak *National Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* (NCCIM). NCCIM mengusulkan agar dewan perniagaan yang setaraf dengan NCCIM seperti *Federation of Palestinian Chambers of Commerce, Industry and Agriculture* sebagai wakil pihak Palestin dalam majlis perniagaan tersebut. Perkara ini telah dikemukakan kepada pihak Kedutaan Palestin di Malaysia untuk tindakan selanjutnya.
35. Kedua-dua cadangan ini dilihat oleh Malaysia sebagai platform yang baik untuk menerokai peluang untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan pihak Palestin.
36. Dalam masa yang sama, masalah logistik dan sekatan perdagangan antarabangsa seperti peraturan ketat terhadap barangan yang boleh dibawa masuk ke Palestin menyulitkan perdagangan. Pemain industri juga turut berhati-hati dalam memasarkan barangan mereka ke Palestin ekoran kebimbangan reaksi negatif terhadap perniagaan mereka oleh pihak-pihak lain seperti Amerika Syarikat. Selain itu, pengeksport dari Malaysia perlu memastikan bahawa barangan yang hendak dieksport ke Palestin adalah mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Perdagangan Strategik (STA) 2010 yang bertujuan untuk memastikan barangan yang dieksport bukan digunakan dalam pembangunan senjata. Ini bagi mengelakkan sebarang tekanan antarabangsa terhadap Malaysia.

37. Malaysia mengenakan duti import sifar dan SST sifar ke atas import buah kurma sama ada segar ataupun kering. Walaupun Malaysia dan Palestin tidak mempunyai perjanjian perdagangan dua hala atau sebarang triti cukai, Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk mengecualikan apa-apa cukai atau duti berkaitan perdagangan seperti duti import, duti eksais dan SST.

BAHAGIAN III

PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi-sesi konsultasi dan pendengaran awam, Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa berpandangan bahawa '*Deal of the Century*' yang dicadangkan oleh pentadbiran Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, harus ditolak dan Jawatankuasa memuji dan menyokong pendirian Kerajaan Malaysia terhadap cadangan perjanjian tersebut.

Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan memastikan setiap penjawat awam dan juga Ahli Parlimen sedar akan pendirian Malaysia yang 'anti-Zionis' serta memahami perbezaan bahawa ia bukanlah '*anti-semitic*' atau 'anti-Yahudi'. Pendekatan '*anti-semitic*' tidak harus digunakan dalam mendepani dan membincangkan isu Palestin.

2. Jumlah perdagangan dua hala Malaysia-Palestin adalah rendah, dengan nilai import dari Palestin hanya berjumlah RM1.8 juta direkodkan bagi tempoh Januari hingga November 2019. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia digesa untuk secara aktif merencanakan lagi pengimportan barangan dan perkhidmatan dari Palestin dalam usaha untuk membantu meningkatkan ekonomi Palestin.

Justeru, Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mempercepatkan usaha untuk memuktamadkan perjanjian perdagangan bebas (*free trade agreement* – FTA) dengan Kerajaan Palestin bagi merencanakan perdagangan bilateral kedua-dua negara yang boleh digalakkan melalui *preferential tariffs*.

3. Sejalan dengan pendirian Malaysia yang komited dalam pembangunan modal insan di Palestin, Jawatankuasa berpandangan bahawa Kerajaan Malaysia wajar meningkatkan usaha dalam menyediakan biasiswa kepada belia Palestin.

Usaha terkini oleh institut pengajian tinggi swasta yang menyediakan tempat untuk pelajar dari Palestin adalah dipuji dan inisiatif ini harus disusuli dengan penawaran biasiswa oleh pihak Kerajaan di institut-institut pengajian tinggi awam. Jawatankuasa berpandangan bahawa sasaran untuk penawaran biasiswa kepada 50 hingga 100 belia Palestin adalah munasabah sebagai langkah permulaan dalam usaha yang lebih untuk membantu rakyat Palestin.

4. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia telah menyumbang, sama ada secara langsung atau tidak langsung sebanyak RM46 juta sejak 10 tahun yang lalu (tahun 2010) kepada rakyat Palestin. Walau bagaimanapun, jumlah ini secara puratanya adalah sebanyak RM4.6 juta setahun iaitu bersamaan lebih sedikit daripada USD1 juta.

Dengan mengambil kira cabaran dan kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat Palestin, terutamanya di Semenanjung Gaza, Jawatankuasa berpandangan bahawa Kerajaan Malaysia boleh dan harus menyumbang lebih. Oleh yang demikian, Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Malaysia menambah jumlah peruntukan bantuan yang tidak kurang daripada RM10 juta setahun. Kerajaan Malaysia juga disaran untuk menimbang agar sumbangan ini juga boleh turut disalurkan melalui Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) terkemuka yang disyorkan oleh *the League of Parliamentarian for Al-Quds*.

5. Jawatankuasa menyeru agar Kerajaan Malaysia melaksanakan janji untuk membangunkan infrastruktur sekolah di Semenanjung Gaza semasa lawatan YAB Perdana Menteri pada ketika itu, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak ke Gaza pada tahun 2013. Pelaksanaan janji ini harus dijalankan secepat mungkin agar kemudahan tersebut dapat dinikmati oleh pelajar di Palestin dan boleh meningkatkan reputasi Malaysia sebagai negara yang memenuhi janjinya.

6. Jawatankuasa mengiktiraf bahawa komuniti Palestin di Malaysia mempunyai hak untuk mengekalkan warisan kebudayaan mereka. Justeru, Malaysia sebagai tuan rumah kepada komuniti Palestin di negara ini boleh memainkan peranan lebih aktif dalam meningkatkan pemahaman terhadap budaya mereka serta disokong melalui geran kebudayaan bagi memelihara dan lebih memahami bagi amalan yang muhibah.



.....
YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
AHLI PARLIMEN SUBANG
PENERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HUBUNGAN DAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA